

**Ada Negara Mampu Beri Pendidikan Percuma Kerana Cukai Tinggi - Ahmad Maslan Bernama
19 April , 2012**

PEKAN, 19 April (Bernama) -- Sesetengah negara mampu memberikan pendidikan percuma kerana kerajaan negara terbabit mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyatnya, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan.

Sebaliknya kata beliau, jika Malaysia menghapuskan hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM43 bilion itu seperti yang mahu dilakukan pembangkang, negara akan bankrap.

"PTPTN ditubuhkan sebab kita mahu berlaku adil pada penuntut yang tidak mampu menanggung kos pendidikan tinggi di universiti, bagi yang mampu, bayarlah," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Program Juara Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Manis, di sini hari ini.

Beliau juga menyifatkan penuntut institusi pengajian tinggi yang menyertai demonstrasi jalanan di Dataran Merdeka pada Sabtu lepas bagi membantah pinjaman PTPTN sebagai tali barut pembangkang.

Mereka hanya jadi alat agenda pembangkang tanpa mengetahui tujuan sebenar PTPTN, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660285>